


## BAB 5

### ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN

Bab ini terbahagi kepada 4 bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang latar belakang responden dalam data. Bahagian kedua pula membincangkan latar belakang status perkahwinan responden, manakala bahagian ketiga pula membincangkan tentang latar belakang pendidikan dan kelayakan mereka. Akhirnya jenis perkerjaan dan pendapatan responden dibincangkan.


#### 5.1.1 Sampel

Rajah 5.1: Peratus Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Etnik



Rajah 5.1 menunjukkan taburan sampel mengikut jantina. 56.9% daripada sampel adalah wanita dan selebihnya (43.1%) adalah lelaki. Ini bermakna bahawa terdapat lebih ramai responden wanita berbanding lelaki dalam sampel ini. Majoriti daripada ahli sampel (83.0%) terdiri daripada kaum kulit putih. Manakala 13.0% merupakan kaum kulit hitam dan 4.0% adalah lain-lain kaum.

Rajah 5.2: Peratus Kumpulan Etnik Mengikut Jantina




Rajah 5.2, carta pai menunjukkan taburan kumpulan etnik mengikut jantina. Rajah ini menunjukkan kaum kulit putih merupakan kaum yang teramai sekali bagi kedua-dua jantina iaitu 84.4% dan 81.9% masing-masing. Bagi responden kaum kulit hitam hanya 11.4% golongan lelaki dan 14.2% golongan wanita. Bagi kaum lain-lain pula golongan lelaki dan wanita hanya mewakili sebanyak 4.2% dan 3.9% masing-masingnya.

Dari segi taburan umur responden, responden yang ditemubual adalah berumur antara 18 tahun (merupakan umur minimum yang ditetapkan dalam penyelidikan) dan 89 tahun dengan min umur keseluruhan 45.97 tahun. Kebanyakan daripada responden didapati dalam lingkungan umur 30-39 tahun, diikuti dengan  $\geq 60$  tahun, 40-49 tahun,  $\leq 29$  tahun dan 50-59 tahun iaitu sebanyak 25.2%, 22.5%, 20.8%, 17.4% dan 13.9% masing-masingnya.


## 1.2 Status Perkahwinan

Rajah 5.3: Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan.



Dari segi status perkahwinan pula (Rajah 5.3), kebanyakan daripada responden (51.1%) adalah berkahwin, diikuti dengan 20.5% yang tidak pernah berkahwin, 14.9% yang telah bercerai, 9.6% balu/duda dan 3.4% tinggal berasingan.

Rajah 5.4: Peratus Status Perkahwinan Mengikut Jantina



Rajah 5.4 di atas menunjukkan perbandingan status perkahwinan antara golongan lelaki dan wanita. Didapati lebih ramai responden lelaki yang berkahwin dan juga dalam kategori tidak berkahwin berbanding kaum wanita. Sebaliknya, peratus kaum wanita yang balu/duda, bercerai dan tinggal berasingan melebihi kaum lelaki. Statistik ini menggambarkan bahawa terdapat lebih ramai responden yang terdiri daripada ibu tunggal.

Jadual 5.1: Peratus Status Perkahwinan Mengikut Jantina

	KAHWIN (%)	BALU/ DUDA (%)	CERAI (%)	TGGL. B'ASING (%)	TIDAK PERNAH KAHWIN (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
WANITA	51.5	9.6	14.9	3.4	20.5	100	2991
LELAKI	56.6	3.8	12.8	2.6	24.2	100	1290
ANITA	47.7	14.1	16.5	4.0	17.8	100	1701
CHI-SQUARE		D.K		SIGNIFIKAN			
117.004		4		0.000			

Jumlah sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).


Hasil ujian Chi-square (Jadual 5.1) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (0.000) antara faktor jantina dan status perkahwinan seperti yang digambarkan oleh rajah 5.4.

Jadual 5.2: Peratus Status Perkahwinan Mengikut Kumpulan Etnik

	KAHWIN (%)	BALU/ DUDA (%)	CERAI (%)	TGGL. B'ASING (%)	TIDAK PERNAH KAHWIN (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES (100%) *
UMP. ETNIK	51.5	9.6	14.9	3.4	20.5	100	2991
ULIT PUTIH	54.1	9.8	15.1	2.5	18.5	100	2482
ULIT HITAM	36.1	9.3	14.4	9.3	30.9	100	388
LAIN-LAIN	48.8	6.6	12.4	3.3	28.9	100	121
UJIAN CHI-SQUARE		D.K		SIGNIFIKAN			
98.038		8		0.000			

Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,482 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Rajah 5.5: Peratus Status Perkahwinan Mengikut Kumpulan Etnik



Rajah 5.5 di atas menunjukkan perbandingan status perkahwinan antara 3 kaum yang ditemuduga. Lebih ramai responden kaum kulit putih dan lain-lain kaum dalam kategori sudah berkahwin berbanding kaum kulit hitam. Manakala, bagi yang menyatakan tidak berkahwin, peratus kaum kulit hitam didapati melebihi kaum kulit putih dan lain-lain kaum. Tidak terdapat banyak perbezaan dalam kategori balu/duda dan bercerai antara golongan kaum kulit putih dan kulit hitam. Tetapi bagi yang tinggal berasingan, kaum kulit hitam menunjukkan peratus jauh lebih tinggi berbanding kedua-dua kumpulan kaum yang lain.

Begitu juga, Ujian Chi-square telah menunjukkan bahawa faktor kumpulan etnik mempunyai kaitan yang signifikan (0.000) dengan status perkahwinan (rujuk Jadual 5.2).

Antara responden yang pernah berkahwin, didapati secara puratanya mereka berkahwin pada anggaran umur 23 tahun. Didapati juga umur yang paling muda antara mereka yang pernah berkahwin ialah 13 tahun, manakala umur yang paling tua adalah 57 tahun.

### 3.3 Pencapaian Pendidikan

Dari segi taraf pendidikan, Secara puratanya responden mempunyai pendidikan sehingga 13 tahun. Untuk tujuan analisis selanjutnya, taraf pendidikan telah dikategorikan kepada 4 kategori iaitu kurang daripada 11 tahun, 12 tahun, 13-15 tahun dan 16-20 tahun. Didapati kebanyakan responden menerima pendidikan selama 12 tahun (31%).

53% daripada responden mempunyai taraf pendidikan setakat Sekolah Rendah, diikuti dengan Sekolah Menengah dengan peratus 16.9%, dan 16.6% melanjutkan hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 5.9% mempunyai Diploma dan 7.2% adalah pemegang Ijazah Sarjana (rujuk Jadual 5.3).

Jadual 5.3: Peratus Tahap Ijazah Mengikut Kumpulan Etnik


	SEK. MEN. (%)	SEK. TINGGI (%)	DIPLOMA (%)	SARJANA MUDA (%)	SARJANA (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
JMP. ETNIK	16.9	53.0	5.9	16.6	7.2	100	2982
ULIT PUTIH	15.8	52.9	5.5	17.9	7.9	100	2477
ULIT HITAM	24.7	57.6	6.5	8.6	2.6	100	384
LAIN-LAIN	17.4	44.6	12.4	16.5	9.1	100	121
UJIAN CHI-SQUARE	D.K			SIGNIFIKAN			
59.064	8			0.000			

Jumlah sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Jadual 5.3 menunjukkan ketidakseimbangan dalam taraf pendidikan jika dilihat mengikut kaum. Jika dibandingkan mengikut kaum di peringkat pendidikan tinggi iaitu pada ijazah sarjana muda dan sarjana, bilangan kaum kulit putih jauh melebihi kaum kulit hitam dengan peratus 17.9% dan 7.9% masing-masingnya berbanding 8.6% dan 2.6%. Peratus yang berpendidikan setakat sekolah tinggi dan lebih rendah di kalangan kaum kulit hitam adalah lebih tinggi (lebih 82%) berbanding kaum kulit putih (78.7%). Ini menggambarkan bahawa

Di samping itu, ramai kanak-kanak kulit hitam tercicir pada peringkat awal persekolahan. Keadaan ini secara tidak langsung menjejaskan masa depan mereka dari segi peluang pekerjaan, pendapatan dan lain-lain perkara berkaitan yang sudah pasti mempengaruhi cara hidup mereka.

Rajah 5.6: Min Tahun Pendidikan bagi Golongan Lelaki dan Wanita antara Kaum Kulit Hitam dan Kulit Putih dari Tahun 1972 hingga 1994



Rajah 5.6 di atas menunjukkan peningkatan dalam min tahun pendidikan bagi kedua-dua kaum dan jantina. Rajah sekali lagi menunjukkan penglibatan kaum kulit putih dalam alam pendidikan umumnya lebih tinggi dari kaum kulit hitam. Satu perkara yang agak menarik adalah min tahun pendidikan bagi kaum wanita kulit hitam adalah lebih tinggi berbanding kaum lelaki kulit hitam, kenyataan sebaliknya bagi kaum kulit putih di mana lelaki kulit putih mempunyai min tahun pendidikan yang keseluruhannya melebihi golongan wanita mereka. Dapat diperhatikan juga min tahun pendidikan golongan wanita kulit putih lebih tinggi dari kaum wanita kulit hitam.

Walaupun bagaimanapun suatu corak yang mengalakkan ialah jurang antara pendidikan berkurangan dari tahun ke setahun. Min tahun pendidikan bagi kaum kulit hitam jelas kelihatan meningkat dari tahun ke setahun. Sementara min tahun pendidikan bagi kaum kulit putih didapati meningkat dengan kadar yang menurun.

Jurang perbezaan pendidikan responden menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan dalam pencapaian pendidikan. Keadaan menunjukkan kaum kulit hitam mungkin kurang berpeluang untuk belajar atau untuk menyempurnakan pendidikan ke tahap lebih tinggi berbanding kaum kulit putih kerana sebab-sebab kewangan, keciciran dan peluang untuk terus belajar.

Di Amerika Syarikat, masyarakat mengambil berat tentang sistem pendidikan, ini adalah kerana pendidikan secara umumnya telah dianggap sebagai satu cara atau kunci kejayaan dalam sosial dan ekonomi (Julian, 1977: 266). Julian dapat dinafikan bahawa tahap pendidikan mempengaruhi tingkat pendapatan seseorang individu. Keadaan ini dijelaskan juga oleh Julian dalam bukunya "Social problem", di mana golongan yang berpendidikan tinggi biasanya berpeluang memegang jawatan yang lebih tinggi serta memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding golongan yang berpendidikan rendah (Julian, 1977: 267).

#### **1.4 Pendapatan dan Perkerjaan**

Untuk tujuan analisis terperinci, pendapatan tahunan responden telah dikategorikan kepada 5 kategori iaitu kurang daripada \$10,000, \$10,000-\$19,999, \$20,000-\$29,999, \$30,000-\$39,999 dan \$40,000 atau lebih. 22.0% daripada responden berpendapatan antara \$10,000-\$19,999 setahun. Sementara 20.8%



am kategori \$20,000-\$29,999 setahun dan 20.3% berpendapatan kurang dari \$30,000 setahun. Hanya 16.6% berpendapatan tahunan \$40,000 atau lebih dan 13.1% berpendapatan tahunan di antara \$30,000-\$39,999 adalah sebanyak 5% sahaja.

Dari sudut perkerjaan, kebanyakan responden adalah bekerja sepenuh masa (53.3%) dan 14.2% telah bersara dan 10.5% pula bekerja separuh-masa. 8% merupakan pelajar dan 2% tidak bekerja semasa penyelidikan dijalankan manakala, 2.9% menganggur.

Jadual 5.4: Peratus Status Perkerjaan Mengikut Kumpulan Etnik

	SEPENUH MASA (%)	SEPARUH MASA (%)	TIDAK BEKERJA SEMASA PENYELIDIKAN DIJALANKAN (%)	PENG-ANGGUR (%)	BER-SARA (%)	PEL-AJAR (%)	LAIN-LAIN (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
JM. ETNIK	53.3	10.5	2.0	2.9	14.2	12.8	1.6	100	2990
ETNIK PUTIH	52.9	10.7	2.1	2.6	15.0	2.4	14.3	100	2481
ETNIK HITAM	51.5	9.5	1.5	5.4	12.1	3.9	16.0	100	388
LAIN-LAIN	67.8	10.7	0.8	1.7	5.0	3.3	10.7	100	121
UJIAN CHI-SQUARE	D.K			SIGNIFIKAN					
31.890	14			0.004					

Ujian sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual ini adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Dari Jadual 5.4 di atas, didapati kaum kulit hitam merupakan golongan yang mempunyai peratus pengangguran yang paling tinggi iaitu (5.4%) berbanding kaum kulit putih (2.6%) dan kaum lain (1.7%). Terdapat 2.1% kaum kulit putih tidak bekerja semasa penyelidikan dijalankan berbanding 1.5% bagi kaum kulit hitam dan 0.8% bagi kaum lain-lain. Keadaan ini mungkin disebabkan pertukaran kerja yang kerap berlaku di kalangan kaum kulit putih.

Jadual 5.5: Peratus Status Perkerjaan Mengikut Jantina

	SEPENUH MASA (%)	SEPARUH MASA (%)	TIDAK BEKERJA SEMASA PENYELIDIKAN (%)	PENG-ANGGUR (%)	BER-SARA (%)	PEL-AJAR (%)	LAIN-LAIN (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
WANITA	53.3	10.5	2.0	2.9	14.2	2.6	14.4	100	2990
LELAKI	63.6	8.4	1.6	4.1	17.1	2.6	2.6	100	1290
JAMINAN	45.5	12.1	2.4	2.1	12.1	2.6	23.3	100	1700
CHI-SQUARE		D.K			SIGNIFIKAN				
349.514		7			0.000				

Ukuran sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang berkenaan (missing value).

Tinjauan dari jadual 5.5 di atas menunjukkan golongan lelaki mempunyai peratus yang tinggi (63.6%) berbanding golongan wanita (45.5%) dari kategori jawatan sepenuh masa. Golongan wanita secara majoritinya lebih tertumpu pada perkerjaan separuh masa dan lain-lain perkerjaan seperti suri rumah. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pandangan masyarakat yang konservatif bahawa pencarian rezeki merupakan tanggungjawab bagi golongan lelaki dan golongan wanita seharusnya berada di rumah menjaga anak.

Jadual 5.6: Peratus Tingkat Pendapatan Mengikut Jantina


	<\$10,000 (%)	\$10,000-\$19,999 (%)	\$20,000-\$29,999 (%)	\$30,000-\$39,999 (%)	≥\$40,000 (%)	ENGAN JAWAB (%)	TIDAK BER-KENAAN (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
WANITA	20.3	22.0	20.8	12.5	16.6	5.4	2.4	100	2127
LELAKI	14.4	17.6	20.0	15.7	25.5	5.2	1.6	100	1014
JAMINAN	25.7	26.1	21.5	9.5	8.4	5.6	3.2	100	1113
CHI-SQUARE		D.K			SIGNIFIKAN				
166.981		6			0.000				

Ukuran sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang berkenaan (missing value).

Ditinjau dari sudut pendapatan mengikut jantina (Jadual 5.6), didapati peratus kaum lelaki berpendapatan tahunan \$40,000 atau lebih jauh lebih tinggi

banding kaum wanita iaitu 25.5% berbanding 8.4%. Kebanyakan golongan wanita (26.1%) memperolehi pendapatan antara \$10,000-\$19,999 setahun. Secara keseluruhannya, didapati golongan wanita berpendapatan lebih rendah dari kaum lelaki iaitu pada tingkat pendapatan yang kurang dari \$30,000 setahun. Manakala kaum lelaki lebih tertumpu pada kategori pendapatan tahunan yang lebih tinggi iaitu \$30,000 ke atas. Rajah 5.7 menggambarkan keadaan ini dengan lebih jelas.

Rajah 5.7: Peratus Pendapatan Mengikut Jantina



Rajah 5.7 jelas sekali menunjukkan bahawa peratus golongan wanita dalam kategori pendapatan yang kurang daripada \$30,000 adalah jauh melebihi kaum lelaki. Gambaran ini jelas menunjukkan jurang perbezaan pendapatan yang besar antara kaum wanita dan lelaki. Perbezaan pendapatan ini secara tidak langsung menyebabkan keadaan yang tidak stabil dalam masyarakat iaitu antaranya kemungkinan wujudnya diskriminasi jantina khususnya di tempat kerja dan ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kaum wanita dan akhirnya menjejaskan prestasi perkerjaan mereka secara keseluruhannya..

Jadual 5.7: Peratus Tingkat Pendapatan Mengikut Kumpulan Etnik

	<\$10,000	\$10,000- \$19,999	\$20,000- \$29,999	\$30,000- \$39,999	≥\$40,000	ENGAN JAWAB	TIDAK BER- KENAAN	JUMLAH PERATUS	BIL. KES *
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	
MP. ETNIK	20.3	22.0	20.8	12.5	16.6	5.4	2.4	100	2127
LIT PUTIH	19.9	21.1	21.2	12.5	17.8	5.4	2.1	100	1763
LIT HITAM	22.6	27.8	18.4	12.0	8.6	7.1	3.4	100	266
LAIN-LAIN	21.4	22.4	20.4	12.2	16.3	1.0	6.1	100	98
CHI-SQUARE		D.K				SIGNIFIKAN			
30.418		12				0.002			

Ukuran sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes, manakala bagi golongan kaum kulit hitam adalah 388 kes dan lain-lain kaum pula adalah 121 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual ini disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Bagi kategori pendapatan tahunan \$40,000 dan lebih, peratus di kalangan kaum kulit putih adalah jauh lebih tinggi (17.8%) berbanding di kalangan kaum kulit hitam iaitu hanya 8.6%. Kaum kulit hitam lebih tertumpu kepada tingkat pendapatan yang lebih rendah iaitu \$20,000 ke bawah iaitu sebanyak 50.4% (22.6% + 27.8%). Bagi kategori pendapatan tahunan yang kurang dari \$20,000, peratus bagi kaum kulit putih hanya sebanyak 41.0% sahaja (19.9% + 21.1%). Ujian chi-square yang signifikan (0.002) juga menunjukkan faktor etnik ada kaitan yang signifikan dengan agihan pendapatan.

Tinjauan selanjutnya adalah melihat status pekerjaan responden. Pekerjaan dikategorikan kepada 5 kategori iaitu "Pengurusan, Profesional dan Pakar", "Teknikal, Jualan dan Pentadbiran", "Pertanian, Perhutanan dan Perikanan", "Kraf dan Kerja-kerja Pembaikan", dan "Buruh". Sebahagian besar daripada responden (48.7%) adalah dalam kategori jawatan "Teknikal, Jualan dan Pentadbiran". Ini diikuti dengan jawatan "Pengurusan, Profesional dan Pakar" dengan seramai 25%, 14.2% bagi jawatan "Buruh", 9.9% bagi "Kraf dan Kerja-kerja Pembaikan" dan 2.2% dalam "Pertanian, Perhutanan dan Perikanan".


Jadual 5.8: Peratus Pengagihan Jawatan Mengikut Jantina

	PURUS, PROF & PKR	TEK., JUAL & PTAD	PRTANI P'HUTAN & P'IKAN	KRAF & KERJA- KERJA P'BAIKAN	BURUH	JUMLAH PERATUS	BIL. KES *
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	
JANTINA	25.0	48.7	2.2	9.9	14.2	100	2853
LELAKI	25.1	30.5	3.7	19.9	20.8	100	1264
WANITA	24.9	63.2	0.9	2.0	9.0	100	1589
CHI-SQUARE	D.K				SIGNIFIKAN		
476.292	4				0.000		

Ukuran sampel sebenar bagi kaum lelaki adalah 1,290 kes dan bagi golongan kaum wanita pula adalah 1,702. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang berkenaan (missing value).

Ditinjau dari aspek jawatan yang dipegang mengikut jantina didapati bahagian besar (63.2%) daripada golongan wanita lebih tertumpu kepada jawatan "Teknikal, Jualan dan Pentadbiran" berbanding kaum lelaki (30.5%). Ini secara langsung dapat menerangkan peratus wanita yang tinggi dalam kategori berpendapatan rendah. Penglibatan kaum lelaki dalam setiap jawatan adalah agak sama rata dalam 5 jawatan itu kecuali dalam kategori "Pertanian, Perhutanan dan Perikanan" iaitu hanya 3.7%. Begitu juga penglibatan kaum wanita dalam kategori jawatan ini ("Pertanian, Perhutanan dan Perikanan") adalah sangat kecil (i.e, 0.9%). Hasil ujian Chi-square telah menunjukkan kesan yang signifikan (0.000) pada aras keertian 0.1% menunjukkan faktor jantina ada kaitan yang signifikan dengan jawatan responden.

ajah 5.8: Peratus yang Berpendapatan Tahunan \$40,000 dan ke atas Mengikut Jantina dan Jenis Kerja



Bagi mengkaji jurang pendapatan di antara jantina. Perbandingan dibuat dengan meneliti jawatan responden yang berpendapatan tahunan \$40,000 ke atas. Cara perbandingan didapati hampir semua kategori jawatan menunjukkan peratus penglibatan golongan lelaki bagi kategori pendapatan tahunan \$40,000 ke atas adalah melebihi golongan wanita kecuali dalam kategori jawatan “Pertanian, Perhutanan dan Perikanan”. Perbezaan yang paling ketara sekali adalah kategori jawatan “Pengurusan, Profesional dan Pakar”.

Ini menunjukkan bahawa penglibatan kaum wanita dalam jawatan pengurusan dan membuat keputusan masih pada tahap yang rendah dan perlu perhatian dari pihak berkenaan untuk mengembangkan keadaan. Dapatlah dikatakan kemungkinan wujudnya diskriminasi jantina dalam pemilihan kaum wanita memegang jawatan pada kategori ini. Kaum wanita mungkin terpaksa berusaha lebih kuat bersaing dengan kaum lelaki untuk mencapai ke tahap ini.


Jadual 5.9: Peratus Kategori Jawatan Mengikut Kaum Kulit Putih Dan Kulit Hitam

	P'URUS, PROF & PKR (%)	TEK., JUAL & P'TAD (%)	P'TANI P'HUTAN & P'IKAN (%)	KRAF & KERJA-KERJA P'BAIKAN (%)	BURUH (%)	JUMLAH PERATUS (%)	BIL. KES *
JMPEL ETNIK	25.0	48.7	2.2	9.9	14.2	100	2853
KULIT PUTIH	26.4	47.7	2.4	10.6	12.9	100	2371
KULIT HITAM	15.8	54.4	1.4	4.4	24.0	100	366
CHI-SQUARE	D.K			SIGNIFIKAN			
15.302	12			0.225			

\* Bilangan sampel sebenar bagi kaum kulit putih adalah 2,483 kes dan bagi golongan kaum kulit hitam adalah 366 kes. Sebarang perbezaan yang didapati di dalam jadual adalah disebabkan oleh maklumat hilang/kes yang tidak berkenaan (missing value).

Dari Jadual 5.9 di atas, umumnya didapati kedua-dua kaum lebih cenderung kepada jawatan “Teknikal, Jualan dan Pentadbiran” dengan peratus 47.7% bagi kaum kulit putih dan 54.4% bagi kaum kulit hitam. Peratus kaum kulit putih yang menceburi perkerjaan “Pengurusan, Profesional dan Pakar” adalah lebih tinggi (26.4%) berbanding kaum kulit hitam (15.8%). Ini menggambarkan bahawa penglibatan kaum kulit hitam diperingkat jawatan tinggi adalah masih rendah. Begitu juga dalam kategori jawatan “Kraf dan Kerja-kerja Pembaikan” dan “Pertanian, Perhutanan dan Perikanan” di mana penglibatan kaum kulit putih adalah lebih ramai berbanding kaum kulit hitam. Manakala bagi jawatan “Teknikal, Jualan dan Pentadbiran” dan “Buruh”, kebanyakannya dipegang oleh kaum kulit hitam. Namun begitu, hasil ujian Chi-square tidak menunjukkan kesan yang signifikan (0.225) pada aras keertian 5%. Ini bermakna tidak ada cukup bukti untuk mengatakan bahawa terdapat kaitan signifikan antara jenis perkerjaan dan kaum. Keadaan ini dapat juga dilihat dalam carta bar, Rajah 5.9.


ajah 5.9: Peratus Kaum Kulit Putih dan Kulit Hitam Mengikut Kategori Jawatan



Rajah 5.9 di atas jelas menunjukkan kaum kulit putih melebihi kaum kulit hitam dalam kategori jawatan “Pengurusan, Profesional dan Pakar”, Pertanian, Perhutanan dan Perikanan” dan “Kraf dan Kerja-kerja Pembaikan”. Sebaliknya, kaum kulit hitam adalah melebihi kaum kulit putih dalam kategori jawatan “Teknikal, Jualan dan Pentadbiran” dan “Buruh”. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan peluang pendidikan yang sedia ada untuk kaum kulit hitam menyebabkan mereka tidak dapat bersaing dengan kaum kulit putih dalam memperolehi jawatan tinggi ini. Kemungkinan juga disebabkan oleh wujudnya diskriminasi kaum atau sifat perkauman dalam masyarakat di mana kaum kulit hitam yang selalu dipandang rendah tidak diberi peluang untuk memegang jawatan tinggi atau sekatan-sekatan telah dikenakan supaya kaum kulit hitam tidak dapat memegang jawatan itu.



Rajah 5.10: Peratus Kaum Kulit Putih dan Kulit Hitam yang Berpendapatan tahunan \$40,000 dan ke atas Mengikut Jawatan



Rajah 5.10 di atas menunjukkan peratus responden berpendapatan tahunan yang \$ 40,000 dan ke atas mengikut jawatan dan kaum. Didapati semua kategori jawatan menunjukkan kaum kulit putih adalah melebihi kaum kulit hitam dalam kategori pendapatan tahunan \$40,000 dan ke atas. Di sini, jelas menunjukkan ketidakseimbangan dalam taraf hidup kaum kulit putih dan kulit hitam seperti yang memang telah sedia wujud di kalangan masyarakat ini.